

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR)
2005

PERINTAH TETAP UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KOLEJ KEDIAMAN)
(KOLEJ EMPAT BELAS) 2015

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama, Pemakaian dan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

AM

3. Tatatertib Kolej
4. Keselamatan dan Ketenteraman Kolej
5. Keharmonian dan Kerukunan
6. Kebersihan Kolej

BAHAGIAN III

TATAKELAKUAN MENGHUNI KOLEJ

7. Penempatan di Kolej
8. Menghuni Kolej Tanpa Kebenaran

BAHAGIAN IV

FI DAN WANG CAGARAN

9. Bayaran Sebagai Penghuni
10. Berada di Dalam Kawasan Kolej

BAHAGIAN V

AHLI KOLEGIAT

11. Penggunaan Kemudahan Kolej oleh Ahli Kolegiat

BAHAGIAN VI

BILIK DAN HARTA BENDA KOLEJ

12. Bertukar Bilik Tanpa Kebenaran Terlebih Dahulu
13. Penghuni tanpa izin
14. Harta Benda Kolej
15. Kunci Bilik
16. Kebersihan Bilik
17. Keselamatan Harta Benda Kepunyaan Pelajar Kolej
18. Kuasa Memeriksa Bilik

BAHAGIAN VII

PERALATAN DAN PENGGUNAAN ELEKTRIK

19. Memiliki Alat Elektrik
20. Penggunaan Tenaga Elektrik

BAHAGIAN VIII

KAFETERIA DAN PENGGUNAANNYA

21. Kafeteria

BAHAGIAN IX

PANTRI, BILIK MANDI DAN TANDAS

22. Penggunaan Pantri

23. Penggunaan Tandas

24. Penggunaan Air Paip dan Elektrik

BAHAGIAN X

TINGKAH LAKU PENGHUNI

25. Berkelakuan dan Berpakaian Sopan

26. Suasana Tenang dan Harmoni

27. Judi di Kolej

28. Bahan yang Memabukkan

29. Bahan lucah

30. Senjata Berbahaya

31. Memelihara Binatang

32. Kawasan Larangan

33. Perhimpunan dan Ceramah

BAHAGIAN XI

PELANGGARAN PERINTAH TETAP

34. Kesalahan Melanggar Perintah Tetap

BAHAGIAN XII

PROSEDUR HUKUMAN TATATERTIB TERUS

35. Prosedur Hukuman Tatatertib Terus

36. Hukuman Tatatertib Terus

BAHAGIAN XIII

HAL-HAL LAIN

37. Sakit

38. Pelawat dan Masa Melawat

39. Larangan Membeli Makanan atau Minuman

40. Menyimpan, Memiliki atau Mempunyai Kenderaan di Kolej

41. Larangan Merokok

42. Kegiatan Suai Kenal

BAHAGIAN XIV

PEMANSUHAN

43. Pemansuhan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR)
2005

PERINTAH TETAP UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KOLEJ KEDIAMAN)
(KOLEJ EMPAT BELAS) 2015

Suatu Perintah-Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi memelihara ketenteraman dan tata tertib di dalam asrama dan bagi perkara lain yang berhubungan dengannya.

[Tarikh kuat kuasa: 5 Februari 2015]

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Kaedah 36, Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005, Pengetua Kolej Empat Belas memberikan Perintah-Perintah berikut:-

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama, Pemakaian dan Kuat Kuasa

1. (1) Perintah-Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah-Perintah Tetap Universiti Putra Malaysia (Kolej Kediaman) (Kolej Empat Belas) 2014.

(2) Perintah-Perintah ini hendaklah terpakai di Kolej Empat Belas dan mula berkuat kuasa pada 5 Februari 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah-Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Ahli Kolegiat” ertinya pelajar kolej, atau bekas pelajar kolej yang masih berstatus pelajar Universiti tetapi tidak termasuk bekas pelajar Kolej Empat Belas yang menghuni kolej kediaman lain Universiti yang telah memindahkan keahlian kolegiatnya ke kolej kediaman yang dihuninya;

“Cuti semester” ertinya cuti pertengahan semester, cuti antara semester atau cuti akhir tahun akademik atau apa-apa cuti mengikut mana-mana kalendar akademik berdasarkan apa-apa sistem pengajian yang telah ditetapkan oleh Senat;

“Felo” ertinya seseorang yang dilantik sebagai felo atau penolong felo, oleh Timbalan Naib Canselor yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab hal ehwal pelajar universiti, untuk membantu Pengetua dalam pengurusan aktiviti dan kebajikan pelajar di Kolej Empat Belas;

“Kaedah-kaedah Tatatertib Pelajar” ertinya Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005 ;

“Kolej” ertinya ialah Kolej Empat Belas Universiti Putra Malaysia, termasuklah bangunan dan sekitar kawasan Kolej yang diuntukkan baginya;

“Operator” ertinya PJSD Development Sdn. Bhd. atau mana-mana syarikat lain yang mengikat perjanjian dengan UPM sebagai operator bagi Kolej;

“Pelajar Kolej” ertinya seseorang pelajar berdaftar dan menghuni bilik di Kolej Empat Belas;

“Pengetua” ertinya Pengetua Kolej Empat Belas ;

“Pengurus” ertinya Pengurus Asrama Kolej Empat Belas, termasuk Penolong Pengurus Asramanya yang dilantik oleh Universiti untuk melaksanakan pentadbiran Kolej Empat Belas.

BAHAGIAN II

AM

Tatatertib Kolej

3. Seseorang Pelajar Kolej hendaklah mematuhi Bahagian III Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005, terutamanya kaedah 29, 30, 31, 32, 33, 34 dan 35.

Keselamatan dan Ketenteraman Kolej

4. (1) Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat hendaklah pada setiap masa menjaga, memelihara dan mengekalkan keselamatan, ketenteraman dan nama baik Kolej bagi membolehkan pelajar Kolej yang lain dapat menghuni dengan tenang tanpa diganggu atau diancam oleh mana-mana anasir dari dalam atau luar Kolej.

(2) Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat dilarang melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat atau bahaya, atau bersubahat dengan apa-apa anasir dari dalam atau luar Kolej untuk mendatangkan mudarat atau bahaya, kepada Pelajar Kolej yang lain.

Keharmonian dan Kerukunan

5. (1) Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat dilarang melakukan perbuatan cabar-mencabar, hasut-menghasut sesama sendiri atau terhadap pihak ketiga lain, atau melakukan perbuatan yang boleh dianggap sebagai cabar-mencabar atau hasut-menghasut

sesama sendiri atau terhadap pihak ketiga lain sama ada secara lisan atau bertulis, termasuk melalui media sosial, dalam talian atau selainya.

(2) Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat, yang berselisih faham dengan mana-mana Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat lain atau mana-mana pekerja atau Felo, atau mana-mana orang lain, tidak boleh menyelesaikan perselisihan faham tersebut melalui sentuhan fizikal, pergaduhan atau pertengkaran lisan. Bagi mengelakkan kekeliruan, larangan ini terpakai tanpa mengira sama ada sentuhan fizikal, pergaduhan atau pertengkaran lisan itu menyebabkan kecederaan fizikal atau tidak kepada Pelajar Kolej, Ahli Kolegiat, pekerja kolej, Felo atau mana-mana orang lain.

(3) Sesuatu perselisihan faham yang tidak dapat diselesaikan secara baik oleh seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat hendaklah dirujuk kepada Pengetua untuk penyelesaian.

Kebersihan Kolej

6. Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat hendaklah bertanggungjawab menjaga kebersihan bilik yang didudukinya, kemudahan Kolej dan persekitaran Kolej.

BAHAGIAN III

TATAKELAKUAN MENGHUNI KOLEJ

Penempatan di Kolej

7. (1) Penempatan awal seseorang pelajar Universiti di mana-mana kolej telah ditetapkan oleh Universiti dan pelajar yang telah ditetapkan kolejnya tidak boleh berpindah ke kolej lain tanpa kebenaran Pengetua kolej yang pelajar itu telah ditetapkan.

(2) Seseorang pelajar yang tidak mahu ditempatkan di Kolej hendaklah memohon kebenaran tinggal di luar kampus daripada—

(a) Timbalan Naib Canselor yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab hal ehwal pelajar Universiti, sekiranya pelajar itu pelajar tahun pertama; atau

(b) daripada Pengetua kolejnya sekiranya pelajar itu pelajar tahun berikutnya.

Menghuni Kolej Tanpa Kebenaran

8. (1) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh menghuni kolej, termasuk pada cuti semester, tanpa kebenaran Pengetua dan Operator.

(2) Mana-mana pelajar yang melanggar subperintah (1) boleh dikenakan hukuman tatatertib terus oleh Pengetua.

BAHAGIAN IV FI DAN WANG CAGARAN

Bayaran Sebagai Penghuni

9. (1) Seseorang pelajar yang menjadi penghuni Kolej mestilah membayar semua fi dan wang cagaran Kolej seperti yang ditetapkan oleh Bursar.

(2) Wang cagaran Kolej yang ditetapkan bawah subperintah (1) boleh termasuk pengenaan bayaran cagaran bagi mendapatkan kunci bilik penginapan seseorang pelajar. Sesuatu wang cagaran di bawah subperintah ini mestilah dipulangkan kepada pelajar apabila pelajar tersebut memulangkan kunci bilik penginapan itu kepada Kolej mengikut masa yang ditetapkan oleh Pengetua atau Pengurus.

(3) Fi bawah subperintah (1) yang tidak dibayar oleh seseorang Pelajar Kolej dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengetua hendaklah disifatkan sebagai hutang kepada Universiti.

Berada di Dalam Kawasan Kolej

10. Seseorang Pelajar Kolej hendaklah berada di dalam kawasan Kolej tidak lewat dari jam 12.00 tengah malam kecuali dengan kebenaran Pengetua.

BAHAGIAN V AHLI KOLEGIAT

Penggunaan Kemudahan Kolej oleh Ahli Kolegiat

11. (1) Seseorang Pelajar Kolej merupakan Ahli Kolegiat Kolej dan boleh menggunakan kemudahan Kolej dan berhak kepada semua keistimewaan yang sebagai Ahli Kolegiat Kolej.

(2) Pengetua boleh mengadakan apa-apa sistem bagi mengatur kehidupan Pelajar Kolej dan aktiviti kolegiat.

(3) Seseorang Ahli Kolegiat yang tidak diuntukkan kepadanya bilik di Kolej boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di Kolej dan boleh mengambil bahagian dalam aktiviti Kolej, kecuali mendiami atau menginap di mana-mana bilik dalam Kolej.

(4) Seseorang Ahli Kolegiat yang tidak diuntukkan kepadanya bilik di Kolej hendaklah tertakluk kepada Perintah-Perintah Tetap ini, dan apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang dibuat atau diberikan oleh Pengetua atau mana-mana pekerja lain yang diberi kuasa, dari semasa ke semasa, semasa Ahli Kolegiat itu berada di Kolej.

BAHAGIAN VI
BILIK DAN HARTA BENDA KOLEJ

Bertukar Bilik Tanpa Kebenaran Terlebih Dahulu

12. Seseorang pelajar yang diuntukkan kepadanya sebuah bilik di Kolej bagi penginapannya, tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Pengetua.

Penghuni tanpa izin

13. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam Kolej yang dihuni oleh seseorang Pelajar Kolej kecuali pelajar penghuni bilik itu sendiri.

(2) Subperintah (1) tidak terpakai:

(a) bagi seseorang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan fungsi, kewajipan atau tanggungjawabnya;

(b) bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberikan oleh Pengetua; atau

(c) bagi seseorang pelajar yang menghuni sesuatu bilik yang diuntukkan kepadanya, daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.

(3) Maka hendaklah menjadi tanggungjawab seseorang Pelajar Kolej untuk memastikan bahawa sekatan dalam perintah ini betul-betul dipatuhi.

Harta Benda Kolej

14. (1) Seseorang Pelajar Kolej hendaklah menggunakan bilik yang diuntukkan kepadanya dengan cermat dan tidak boleh melakukan apa jua yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan kebakaran atau menyebabkan kerosakan lain pada mana-mana bahagian bilik tersebut atau pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya atau mengalih atau menyebabkan kehilangan apa-apa benda atau lekapan di dalam bilik tersebut.

(2) Seseorang pelajar termasuklah Ahli Kolegiat, hendaklah menggunakan kemudahan umum Kolej dengan cermat dan tidak boleh melakukan apa jua yang boleh mencacatkan, mengotorkan, mengalih atau menyebabkan kehilangan atau kerosakan lain pada mana-mana kemudahan Kolej atau apa-apa benda atau lekapan yang terdapat dalam Kolej.

(3) Mana-mana pelajar yang melanggar subperintah (1) atau (2) boleh diarahkan supaya membayar gantirugi mengikut kadar yang ditetapkan, dari semasa ke semasa oleh Pengetua.

(4) Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa arahan gantirugi dikenakan terhadap mana-mana pelajar mengikut subperintah (3), Pengetua hendaklah memberikan pelajar itu suatu peluang untuk menjelaskan mengapa arahan gantirugi tersebut tidak patut dikenakan kepada pelajar itu.

(5) Arahan gantirugi di bawah subperintah ini bukanlah suatu hukuman tatatertib.

(6) Apa-apa arahan gantirugi yang dikenakan terhadap pelajar bawah subperintah (4) dan masih tidak dibayar oleh pelajar itu hendaklah disifatkan sebagai hutang kepada Universiti.

Kunci Bilik

15. Seseorang Pelajar Kolej yang diuntukkan kepadanya bilik di Kolej hendaklah mendapatkan kunci dan memulangkan semula kunci itu kepada Operator apabila pelajar tidak lagi menduduki Kolej.

Kebersihan Bilik

16. (1) Seseorang Pelajar Kolej hendaklah bertanggungjawab atas kebersihan dan kekemasan bilik yang diuntukkan kepadanya.

(2) Seseorang Pelajar Kolej yang melanggar subperintah (1) boleh dikenakan tindakan mengikut Perintah 34 atau 35 Perintah Tetap ini.

Keselamatan Harta Benda Kepunyaan Pelajar Kolej

17. (1) Setiap Pelajar Kolej hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan harta benda kepunyaannya yang berada di Kolej.

(2) Sekiranya Pelajar Kolej kehilangan apa-apa harta benda kepunyaannya di Kolej, kehilangan tersebut hendaklah dilaporkan kepada Pengetua, Pengurus atau Felo, dan juga melaporkan kehilangan itu kepada Operator.

Kuasa Memeriksa Bilik

18. (1) Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti, Pengetua, atau Pengurus, boleh dengan kerjasama daripada Operator, memasuki dan memeriksa bilik Pelajar Kolej pada bila-bila masa.

(2) Seseorang Felo yang mendapat kebenaran Pengetua, dan kerjasama daripada Operator, boleh memasuki dan memeriksa bilik Pelajar Kolej pada bila-bila masa.

(3) Semasa melakukan pemeriksaan bilik Pelajar Kolej, Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti, Pengetua, Pengurus, atau Felo yang mendapat kebenaran daripada Pengetua, boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain untuk membantunya melakukan pemeriksaan bilik tersebut. Pemeriksaan bilik Pelajar Kolej hendaklah dilakukan dengan kerjasama Operator.

(4) Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti, Pengetua, Pengurus, atau Felo yang mendapat kebenaran daripada Pengetua, yang melakukan pemeriksaan bilik Pelajar Kolej yang berlainan jantina dengannya, hendaklah membawa bersamanya orang lain yang sama jantina dengan Pelajar Kolej bagi bilik yang diperiksa itu. Pemeriksaan bilik Pelajar Kolej hendaklah dilakukan dengan kerjasama Operator.

BAHAGIAN VII

PERALATAN DAN PENGGUNAAN ELEKTRIK

Memiliki Alat Elektrik

19. (1) Seseorang Pelajar Kolej tidak boleh membawa atau menggunakan apa-apa peralatan elektrik di dalam bilik yang diuntukkan kepadanya kecuali penggunaan alat elektrik itu dibenarkan oleh Operator. Operator boleh mengenakan apa-apa syarat bagi penggunaan alat elektrik.

(2) Apa-apa peralatan elektrik yang disediakan oleh Operator hendaklah disimpan dan digunakan di tempat yang ditentukan oleh Operator.

Penggunaan Tenaga Elektrik

20. (1) Seseorang Pelajar Kolej dilarang membuat sambungan elektrik, internet atau telefon dari mana-mana punca elektrik, internet atau telefon di dalam atau di luar biliknya.

(2) Seseorang Pelajar Kolej hendaklah mematikan segala suis peralatan elektrik sebelum meninggalkan biliknya.

(3) Seseorang Pelajar Kolej atau Ahli Kolegiat yang menggunakan apa-apa kemudahan peralatan elektrik Kolej hendaklah mematikan segala suis peralatan elektrik setelah selesai menggunakan kemudahan tersebut.

BAHAGIAN VIII

KAFETERIA DAN PENGGUNAANNYA

Kafeteria

21. (1) Seseorang yang menggunakan kafeteria Kolej hendaklah menjaga kebersihan kafeteria atau mana-mana tempat lain yang dikhaskan bagi tujuan tersebut.

(2) Tiada seorang pun boleh membawa makanan atau minuman, atau memakan makanan atau meminum minuman, yang dilarang Pengetua, di dalam kafeteria atau dalam kawasan lain di Kolej.

(3) Seseorang pelajar hanya boleh menggunakan kafeteria atau kawasan kafeteria untuk tujuan makan atau minum sahaja, atau untuk tujuan perjumpaan sosial biasa bersama pelajar lain. Mana-mana pelajar yang ingin menggunakan kafeteria atau kawasan kafeteria untuk tujuan selain yang dinyatakan dalam perintah ini hendaklah mendapat kebenaran Pengetua.

BAHAGIAN IX
PANTRI, BILIK MANDI DAN TANDAS

Penggunaan Pantri

22. (1) Kemudahan pantri, jika disediakan oleh Operator, hendaklah digunakan untuk tujuan menjerang air, membasuh peralatan makanan dan minuman, menggosok pakaian, atau untuk apa-apa tujuan lain yang ditetapkan oleh Operator.

(2) Seseorang pelajar yang menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Operator di dalam pantri hendaklah menggunakan kemudahan tersebut dengan cermat dan menjaga kebersihan pantri dan peralatannya.

(3) Kemudahan yang disediakan oleh Operator, jika ada, di dalam pantri termasuk cerek, seterika, papan penggosok, peti sejuk, *water cooler*, atau peralatan lain tidak boleh dialih atau dibawa keluar dari pantri itu.

(4) Sekiranya terdapat apa-apa peralatan berkaitan dengan makanan atau minuman yang disediakan di pantri untuk kemudahan pelajar, peralatan tersebut hanya boleh digunakan untuk makanan atau minuman halal mengikut agama Persekutuan.

(5) Pelajar tidak boleh memasak di dalam pantri atau di kawasan lain dalam Kolej sama ada dengan menggunakan dapur elektrik atau dapur gas atau selainnya.

Penggunaan Tandas

23. Seseorang pelajar hendaklah menggunakan tandas dan peralatannya mengikut cara yang biasa sesuatu tandas atau peralatan itu digunakan.

Penggunaan Air Paip dan Elektrik

24. Seseorang pelajar hendaklah menggunakan kemudahan air paip dan elektrik di pantri, bilik mandi atau tandas, secara berhemah bagi mengelakkan pembaziran.

BAHAGIAN X TINGKAH LAKU PENGHUNI

Berkelakuan dan Berpakaian Sopan

25. (1) Seseorang pelajar yang berada di Kolej hendaklah sentiasa menjaga kesopanan dan kesusilaannya.

(2) Seseorang pelajar yang berada di kawasan umum di Kolej hendaklah berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam kod etika berpakaian UPM.

(3) Bagi maksud subperintah (2), kawasan umum termasuklah dewan serba guna, pejabat am Kolej, lobi Kolej, kafeteria, ruang riadah dan tempat meletak kenderaan.

Suasana Tenang dan Harmoni

26. (1) Seseorang pelajar yang berada di Kolej tidak boleh membuat apa-apa bunyi bising yang mengganggu ketenteraman dan keharmonian kehidupan di dalam Kolej kecuali dengan kebenaran Pengetua.

(2) Walau apapun subperintah (1) pendengaran bacaan keagamaan bagi agama Persekutuan tidak terjumlah kepada bunyi bising yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana pelajar atau orang lain di Kolej.

Judi di Kolej

27. Seseorang pelajar yang berada di Kolej tidak boleh menganjurkan, menguruskan, menjalankan atau membantu dalam apa-apa bentuk penganjuran, pengurusan atau penjalanan, atau menyertai apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di Kolej.

Bahan yang Memabukkan

28. Seseorang pelajar tidak boleh semasa berada di Kolej meminum, mengguna atau memiliki apa-apa bahan yang memabukkan, atau berada dalam keadaan mabuk, atau berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh bahan yang memabukkan.

Bahan lucah

29. Seseorang pelajar yang berada di Kolej tidak boleh, mempunyai dalam milikannya atau bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa bahan lucah, termasuk melayari apa-apa laman atau tapak sesawang lucah.

Senjata Berbahaya

30. (1) Seseorang pelajar yang berada di Kolej tidak boleh mempunyai dalam milikannya atau bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa senjata atau alatan bahaya termasuklah pisau, parang, pedang, keris dan sabit.

(2) Walau apapun dalam subperintah (1) seseorang Pelajar Kolej boleh dengan kebenaran Pengetua memiliki senjata atau alatan bahaya untuk kegunaan akademik atau aktiviti kokurikulum, dan senjata atau alatan bahaya itu perlu disimpan di tempat yang ditetapkan oleh Kolej.

Memelihara Binatang

31. Seseorang Pelajar Kolej tidak boleh memelihara apa-apa binatang di bilik atau di Kolej.

Kawasan Larangan

32. Seseorang pelajar tidak boleh memasuki atau berada di mana-mana kawasan Kolej yang diuntukkan kepada pelajar yang berlainan jantina dengannya kecuali dengan kebenaran Pengetua.

Perhimpunan dan Ceramah

33. (1) Seseorang pelajar tidak boleh mengadakan, menganjurkan atau memanggil atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dipanggil atau dengan apa-apa cara terlibat dalam pengadaaan, penganjuran atau pemanggilan apa-apa perhimpunan yang terdiri, atau apa-apa ceramah yang dihadiri lebih daripada lima orang di mana-mana kawasan Kolej atau bilik di Kolej tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pengetua.

(2) Jika seseorang pelajar ingin menjemput mana-mana orang dalam mana-mana perhimpunan atau ceramah yang diadakan, dianjurkan atau dipanggil di Kolej, pelajar itu hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Pengetua.

(3) Pengetua semasa memberikan kebenaran bawah subperintah (2), boleh mengenakan apa-apa sekatan terhadap apa-apa perhimpunan atau ceramah atau mengenakan apa-apa sekatan terhadap mana-mana orang yang dijemput bawah subperintah (2).

BAHAGIAN XI
PELANGGARAN PERINTAH TETAP

Kesalahan Melanggar Perintah Tetap

34. (1) Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana perintah dalam Perintah-Perintah Tetap ini atau tidak mematuhi apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh Pengetua sama ada perintah, arahan atau petunjuk itu diberi secara lisan atau bertulis, melakukan suatu kesalahan pelanggaran Perintah Tetap.

(2) Seseorang pelajar yang melakukan kesalahan pelanggaran Perintah Tetap bawah subperintah (1), boleh dikenakan salah satu tindakan berikut—

(a) dikenakan peringatan pentadbiran;

(b) dikenakan hukuman tatatertib terus oleh Pengetua mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005, yang berkuat kuasa di Universiti; atau

(c) diambil tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005, yang berkuat kuasa di Universiti.

(3) Sebagai tambahan kepada tindakan yang diambil di bawah subperintah 34(2), jika pelanggaran itu melibatkan kerosakan atau kehilangan harta benda kolej atau orang lain, Pengetua boleh juga mengarahkan pelajar itu membuat bayaran gantirugi kepada kolej atau orang lain itu mengikut subperintah 14 (4) (5) dan (6).

(4) Bagi mengelakkan kekeliruan, tindakan yang diambil di bawah perenggan 34(2)(a) dan subperintah 34(3) bukanlah suatu tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005.

BAHAGIAN XII
PROSEDUR HUKUMAN TATATERTIB TERUS

Prosedur Hukuman Tatatertib Terus

35. (1) Jika pada pandangan Pengetua, seseorang pelajar telah melanggar mana-mana perintah dalam Perintah-Perintah Tetap ini, Pengetua hendaklah memberitahu pelajar itu tentang pelanggaran perintah itu, sama ada secara lisan atau bertulis, dan memberikan kepada pelajar itu, satu peluang untuk membuat penjelasan secara lisan atau bertulis tentang pelanggaran perintah yang dikatakan telah dilakukan oleh pelajar itu.

(2) Sekiranya pelajar itu memberi penjelasannya, dan sekiranya pelajar itu telah diberikan peluang untuk membuat penjelasan mengikut subperintah (1), sama ada pelajar itu membuat penjelasan atau tidak, Pengetua boleh membuat keputusan mengenai sama ada pelanggaran itu telah dilakukan atau tidak.

(3) Sekiranya pelajar itu memberikan penjelasan dan sekiranya Pengetua berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh pelajar itu, Pengetua boleh memutuskan bahawa tiada pelanggaran telah dilakukan dan hendaklah melepaskan dan membebaskan pelajar itu.

(4) Sekiranya Pengetua memutuskan bahawa suatu pelanggaran telah dilakukan oleh pelajar itu, Pengetua boleh mengenakan apa-apa hukuman bawah perintah 36.

(5) Apa-apa hukuman yang dikenakan oleh Pengetua bawah subperintah (4) hendaklah diberitahu kepada pelajar itu secara bertulis.

Hukuman Tatatertib Terus

36. (1) Seseorang pelajar yang melakukan pelanggaran Perintah-Perintah Tetap ini, dan didapati bersalah melanggar Perintah-Perintah Tetap ini oleh Pengetua, boleh dikenakan salah satu atau gabungan hukuman berikut—

- (a) amaran;
- (b) denda tidak melebihi RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh sahaja).

BAHAGIAN XIII

HAL-HAL LAIN

Sakit

37. (1) Seseorang Pelajar Kolej hendaklah melaporkan apa-apa jenis sakit, atau kemalangan, yang serius yang dihadapi atau dialaminya kepada Pengetua, Pengurus atau Felo.

(2) Seseorang Pelajar Kolej yang diuntukkan kepadanya bilik dan menghidap penyakit berjangkit tidak boleh menginap di bilik yang diuntukkan kepadanya itu dan tidak boleh berada di Kolej kecuali dibenarkan oleh pegawai kesihatan Universiti atau Pengetua.

Pelawat dan Masa Melawat

38. (1) Seseorang Pelajar Kolej boleh menerima pelawat di kawasan yang ditetapkan di Kolej oleh Pengetua.

(2) Seseorang pelawat dibenarkan bertemu Pelajar Kolej mulai jam 8.00 pagi sehingga jam 11.00 malam. Sekiranya pelawat itu ingin bertemu Pelajar Kolej selain dari waktu itu, pelawat itu hendaklah mendapatkan kebenaran Pengetua terlebih dahulu.

Larangan Membeli Makanan atau Minuman

39. Seseorang pelajar tidak dibenarkan membeli apa-apa makanan atau minuman daripada mana-mana orang yang menjaja makanan atau minuman di Kolej kecuali orang yang menjaja itu mendapat kebenaran Pengetua.

Menyimpan, Memiliki atau Mempunyai Kenderaan di Kolej

40. (1) Seseorang Pelajar Kolej yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan di dalam Kolej hendaklah pada mulanya memohon dan memperoleh daripada Pengetua suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pengetua.

(2) Seseorang pelajar yang mendapat kebenaran bertulis bawah subperintah (1) hendaklah meletakkan kenderaannya di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengetua.

(3) Bagi maksud perintah ini, kenderaan ialah suatu struktur yang boleh bergerak, atau digerakkan oleh suatu mekanisma yang terkandung dalam badan kenderaan itu, atau digunakan untuk membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak dan termasuklah kereta, motosikal dan basikal.

Larangan Merokok

41. Seseorang pelajar yang berada di Kolej tidak boleh merokok.

Kegiatan Suai Kenal

42. (1) Seseorang pelajar tidak boleh mengadakan, atau menganjurkan, atau menyebabkan supaya diadakan atau dianjurkan dengan apa-apa cara, atau terlibat dalam

pengadaan atau penganjuran, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan atau dengan apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, atau menganjurkan apa-apa kegiatan suai kenal, terhadap mana-mana Pelajar Kolej, kecuali kegiatan suai kenal tersebut diadakan atau dianjurkan dengan kebenaran Timbalan Naib Canselor yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab hal ehwal pelajar Universiti.

(2) Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan kecederaan fizikal, rasa takut atau malu, atau melakukan apa-apa perbuatan yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal, rasa takut atau malu kepada mana-mana Pelajar Kolej, atau memaksa mana-mana Pelajar Kolej melakukan apa-apa perbuatan yang Pelajar Kolej itu secara lazimnya tidak akan melakukannya.

BAHAGIAN XIV

PEMANSUHAN

Pemansuhan

43. Arahan Tetap Kolej Kediaman (1983) Universiti Pertanian Malaysia dimansuhkan.

Diberi pada 5 Februari 2015

[UPM/PPUU/100/1/1/3/KOLEJ]

[UPM/BHEP/SPEP/14/3/16]



DR. OMRAH BIN HASSAN

*Pengetua
Kolej Empat Belas
Universiti Putra Malaysia*